



## SIARAN AKHBAR

### **PENYALAHGUNAAN NAMA, LOGO DAN GAMBARAN BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK (BDCB)**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini telah mendapati beberapa individu yang menyamar kononnya ada kaitan dengan pihak BDCB, dan seterusnya menyalahgunakan nama dan logo BDCB dalam menjalankan transaksi perniagaan pembelian mata wang lama.
2. Pihak BDCB ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya, menipu, atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun, atau kedua-duanya sekali.
3. Orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada apabila menerima mana-mana mesej memohon pembayaran atau butiran peribadi, yang seolah-olahnya datang daripada BDCB, dengan menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB. Jika menerima mesej dari BDCB yang disyaki palsu, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB melalui talian 8318388 atau melalui emel [info@bdcg.gov.bn](mailto:info@bdcg.gov.bn).

#### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 27 Rabiulakhir 1444H / 22 November 2022M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank mempunyai 4 objektif utama iaitu untuk mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.